

Naza TTDI sasar jualan RM745 juta tahun ini

KUALA LUMPUR: Naza TTDI Sdn Bhd menetapkan sasaran jualan minimum sebanyak RM745 juta bagi 2018, didorong oleh jualan tinggi belum direkodkan sebanyak RM1 bilion setakat ini.

Dalam satu kenyataan hari ini, Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Idzham Mohd Hashim berkata syarikat itu telah mencapai jualan sebanyak RM815 juta pada 2017.

“Bagi tahun ini, tumpuan kami adalah pada jualan menara pejabat di Kuala Lumpur, sebuah pembangunan bagi kegunaan bercampur-campur di Shah Alam serta projek kediaman dengan nilai pembangunan kasar RM400 juta di Kwasa Damansara (Selangor).

“Pembangunan kediaman

itu akan dilancarkan pada separuh kedua tahun ini,” katanya.

Mengulas prospek pasaran hartanah, Idzham berkata ia berkemungkinan besar pulih dalam separuh kedua tahun ini susulan permintaan yang terus ada, terutamanya daripada kalangan berpendapatan pertengahan.

“Walaupun industri haratanah kekal kompetitif, pembangunan di lokasi yang baik serta reka bentuk yang menarik mampu mencatat kejayaan lebih ketara.

“Kami kini memberi tumpuan untuk menyertai pasaran dengan pembangunan di lokasi yang tepat, reka bentuk inovatif dan menawarkan nilai lebih baik untuk para pelanggan,” katanya.

— Bernama



04 Feb 2018

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement • Page: A7 • Printed size: 112.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 726.00

Item ID: MY0031670541

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Naza TTDI Sdn Bhd menetapkan sasaran jualan minimum sebanyak RM745 juta bagi 2018, didorong oleh jualan tinggi belum direkodkan sebanyak RM1 bilion setakat ini. Dalam satu kenyataan hari ini, Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Idzham Mohd Hashim berkata syarikat itu telah mencapai jualan sebanyak RM815 juta pada 2017.